

## Dasar Kelestarian Alam Sekitar

Crown Holdings, pengeluar utama pembungkusan logam dan transit telah beroperasi lebih daripada 125 tahun. Sepanjang pernubuhan syarikat kami, kami telah membuktikan pengurusan terhadap persekitaran semula jadi, pekerja kami dan masyarakat di tempat kami beroperasi. Kami komited untuk menjalankan perniagaan kami secara lebih bertanggungjawab terhadap alam sekitar, menyokong kesihatan jangka panjang bumi, serta kejayaan pelanggan dan pekerja kami. Strategi kelestarian alam sekitar kami bertujuan untuk mendorong tindakan iklim ke seluruh rantaian nilai kami, menggunakan sumber dengan cekap, menyokong ekonomi pusingan, mempromosi kepelbagaian dan penyertaan, mendapatkan sumber secara bertanggungjawab dan beretika serta mengamalkan pengurusan produk yang ketat. Matlamat kami adalah untuk menyediakan produk yang memberi kesan positif terhadap bumi. Oleh itu, kami menggabungkan pengurusan alam sekitar yang bertanggungjawab dan proaktif ke dalam proses, prosedur dan amalan kami.

Untuk menjalankan perniagaan yang lestari dan melaksanakan Dasar Kelestarian Alam Sekitar, kami berikrar untuk:


- Berusaha untuk memastikan produk dan operasi kami selamat untuk pekerja, pengguna dan persekitaran kami
- Melaksanakan sistem pengurusan persekitaran yang bertujuan untuk mengurangkan kesan produk kami terhadap alam sekitar dari segi reka bentuk, pembuatan, pengedaran, penggunaan dan pelupusan
- Crown telah menetapkan sasaran iklim berdasarkan sains, dan akan terus mengambil tindakan untuk mengurangkan pelepasan dan emisi gas rumah hijau dari operasi perniagaan langsung dan tidak langsung serta rantaian nilai kami
- Sokongan pemeliharaan sumber semula jadi dan tenaga dengan mengoptimumkan penggunaan bahan, meminimumkan bahan buangan dan meningkatkan kitar semula. Kami juga akan bekerjasama dengan pihak lain yang boleh menyumbang kepada kemajuan dalam mencapai matlamat alam sekitar kami
- Memenuhi atau menambah baik undang-undang dan peraturan alam sekitar yang berkaitan. Kami menggunakan amalan yang mesra alam sekitar, mematuhi garis panduan, piawaian dan syarat, walaupun tanpa adanya piawaian daripada kerajaan
- Memantau dan menilai operasi, teknologi dan program kami secara berterusan dan memantau kemajuan ke arah matlamat alam sekitar kami untuk mencegah dan meminimumkan kesan terhadap alam sekitar yang merugikan melalui kitaran hayat produk dan perkhidmatan kami
- Sentiasa mengamalkan dasar, program dan sumber untuk melaksanakan Dasar Kelestarian Alam Sekitar kami
- Membangun dan menggunakan pandangan sains yang canggih, jangka panjang dan kitaran hayat serta mengintegrasikan pertimbangan terhadap alam sekitar dalam membuat keputusan strategik, dasar, proses dan amalan pengurusan di seluruh perniagaan kami
- Berusaha untuk menjadikan tempat kerja bebas daripada kecederaan melalui program kesihatan dan keselamatan yang kuat disokong oleh penglibatan pekerja yang ramai. Kami akan melatih pekerja kami untuk menjalankan aktiviti mereka dengan cara yang selamat dan bertanggungjawab terhadap alam sekitar
- Berusaha memastikan bahawa setiap pekerja memahami dan bertanggungjawab untuk mempertimbangkan mengenai alam sekitar dalam aktiviti perniagaan harian mereka. Kami akan mendorong, mengiktiraf dan menghargai usaha individu dan kepemimpinan pasukan untuk meningkatkan kelestarian alam sekitar.

- Mewajibkan pembekal kami mematuhi undang-undang alam sekitar yang berkenaan di negara, rantau dan bandar di mana mereka beroperasi. Kami akan mendorong pembekal kami untuk melepassi syarat asas yang termampu untuk mengurangkan kesan operasi mereka terhadap alam sekitar dan sosial.
- Menyediakan pengguna, pekerja, komuniti, kumpulan kepentingan awam dan lain-lain dengan maklumat berfakta yang relevan dan sesuai mengenai prestasi persekitaran produk dan operasi kami, melaporkan prestasi kami secara berkala
- Bekerja dengan dan menyokong pelanggan dan pembekal kami untuk mengurangkan kesan terhadap alam sekitar bagi produk dan operasi kami dalam membantu mencapai matlamat kelestarian mereka
- Bekerja dengan dan menyokong persatuan industri, pelanggan, pembekal dan rakan kongsi lain untuk meningkatkan kesedaran alam sekitar di kalangan pengguna
- Mengurus secara sistematis semua bidang risiko dan ketidakpastian persekitaran, di samping menyokong pendekatan pencegahan
- Bersikap responsif kepada pihak berkepentingan kami mengenai topik alam sekitar dan berunding dengan mereka mengenai isu-isu alam sekitar yang mungkin timbul.

Setiap bahagian Crown Holdings bertanggungjawab sepenuhnya untuk pelaksanaan dan penguatkuasaan Dasar ini dalam perniagaannya. Semua pekerja mesti mematuhi dasar ini.



Timothy Donahue  
President and CEO  
Crown Holdings, Inc.



Dr. John M. Rost  
Senior Vice President  
Crown Technology Global Sustainability & Regulatory Affairs  
Crown Holdings, Inc.

EN	MS
Signature	Tandatangan
Timothy Donahue	Timothy Donahue
President and CEO	Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif
Crown Holdings, Inc.	Crown Holdings, Inc.
Signature	Tandatangan
Dr. John M. Rost	Dr. John M. Rost
Senior Vice President	Naib Presiden Kanan
Global Sustainability & Regulatory Affairs	Crown Teknologi, Hal Ehwal Kelestarian & Kawal Selia Global
Crown Holdings, Inc.	Crown Holdings, Inc.

Pemilik Dasar: John Rost  
Tarikh penerbitan: 28 Julai 2020  
Semakan: 28 Julai 2024  
Tarikh semakan seterusnya: 1 Julai 2029  
[sustainability@crown cork.com](mailto:sustainability@crown cork.com)